



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	31/7/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Lagi merdu lagi mahal

■ Lelaki miliki burung daun serta 14 ayam hutan ditahan Perhilitan

Izaily Nurul Ain Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Jika ayam ternak berharga sekitar RM10 seekor namun seekor ayam hutan boleh dijual mencecah RM500 seekor bergantung pada fizikal dan suaranya berkokok.

Ini antara faktor ayam hutan yang juga haiwan liar dilindungi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) terus diburu secara haram.

Pengarah Perhilitan Johor, Salman Saaban berkata, terbaru pihaknya berjaya menahan seorang lelaki tempatan berusia 50-an susulan operasi dilakukan sepasukan anggota dan pegawai Perhilitan yang menahan lelaki itu

jam 1 tengah hari kelmarin. "Pemeriksaan awal dilakukan menemui seekor burung disyaki spesies burung daun milik suspek di pinggir hutan Kampung Sungai Telur dekat Kota Tinggi.

"Kami turut menyita empat unit jaring burung dan dua unit jebak digunakan untuk memburu burung itu.

Susulan peneemuan itu, pegawai Perhilitan kemudian melakukan pemeriksaan ke rumah lelaki itu di Kampung Kangkar Tebrau di sini.

"Hasilnya kami menemui 14 ekor ayam disyaki ayam hutan. Turut ditemui di rumah lelaki itu adalah se-



ANTARA burung yang dirampas.

ekor burung serindit. Semua haiwan ini disimpan di bahagian belakang rumahnya," katanya.

Hasil siasatan awal, katanya, ayam hutan disimpan itu dipercayai digunakan untuk pertandingan bunyi kokok.

"Lelaki itu turut memiliki ayam hutan denak yang digunakan untuk memikat ayam hutan liar yang lain.

"Dia memperoleh semua ayam hutan itu melalui kegiatan meracik di hutan. Harga ayam hutan ini mampu mencecah antara RM150 hingga RM500 seekor

berdasarkan kemerduan suara.

"Faktor lain yang mempengaruhi harga ayam hutan adalah kecantikan fizikal seperti balung yang tegak, lawi panjang, aktif, galak berlawan jika diacah, jinak serta postur badan yang sedikit tegak," katanya.

Beliau berkata, semua hidupan liar itu dirampas dan dibawa ke pejabat Perhilitan Bandar Penawar untuk tindakan lanjut.

Katanya, siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana memburu atau menyimpan hidupan liar iaitu ayam hutan dan burung serindit.

FAKTA
Empat jaring
burung dan dua
jebak disita